

3.5 Ujian Iritasi

3.5.1 Ujian Iritasi Pada Telinga Tikus

Ekstrak metanol *Cassia alata* L. dan *Cassia tora* L. pada kepekatan 2000 mg/kg berat tubuh (BT) disapukan pada permukaan dorsal telinga sebelah kanan setiap tikus selama 4 hari berturut-turut. Telinga tikus diperiksa secara makroskopikal pada hari ke-lima. Telinga kiri dibiarkan tanpa sebarang rawatan dan digunakan sebagai rujukan kawalan untuk mengukur darjah kemerahan pada telinga tikus. Keputusan yang diperolehi ditunjukkan pada Jadual 3.29 dan 3.30.

Jadual 3.29: Darjah iritasi pada telinga tikus

Iritasi	Darjah
Normal	0
Sedikit kemerahan pada kawasan yang diuji, iritasi berlaku sebanyak 25%	1
Warna kemerahan kelihatan sedikit pada salur darah, iritasi berlaku sebanyak 50%	2
Warna kemerahan kelihatan jelas pada keseluruhan telinga dan hiperplasia kelihatan, iritasi berlaku sebanyak 75%	3
Kerosakan sel/nekrosis berlaku, iritasi sebanyak 100%	4

Jadual 3.30: Keputusan darjah iritasi pada telinga tikus

Jenis sampel	Tikus Nombor.	Berat (Kg)	Darjah Iritasi	Kesimpulan
<i>Cassia alata</i> L. (2000 mg/kg BT)	1	250± 2	0	Normal. Tiada sebarang perubahan
	2	250± 2	0	Normal. Tiada sebarang perubahan
	3	250± 2	0	Normal. Tiada sebarang perubahan
<i>Cassia tora</i> L. (2000 mg/kg BT)	1	250± 2	0	Normal. Tiada sebarang perubahan
	2	250± 2	0	Normal, Tiada sebarang perubahan
	3	250± 2	0	Normal. Tiada sebarang perubahan